


Tertib Surah	Nama Surah	Bilangan Ayat	Bilangan Ruku'	Makkiyyah / Madaniyyah	Tertib Turun	Bilangan Paragraf
Ke-23	Al-Mu'minun	118	6	Makkiyyah	Ke-74	8



Zaman Diturunkan

Surah al-Mu'minun diturunkan bersama Surah al-Furqaan sekitar tahun ke-7 Kenabian ketika mana berlaku kemarau yang dahsyat di Mekah dan kawasan-kawasan sekitarnya. Itu adalah peringkat ketiga kehidupan Rasulullah s.a.w. di Mekah, antara tahun ke-6 hingga ke-10 Kenabian. Sayyidina 'Umar pada ketika itu telahpun memeluk agama Islam. Beliau memeluk agama Islam pada bulan Zul Hijjah tahun ke-6 Kenabian. Di peringkat itu Rasulullah s.a.w. selalu dituduh sebagai مَجْنُون (orang gila) (Ayat: 70). Tuduhan gila juga pernah dilemparkan kepada Nabi Nuh a.s. (Ayat: 25). Di dalam ayat terakhir surah ini iaitu ayat ke-118 terdapat doa supaya Allah mengampunkan dan merahmati hamba-hambanya supaya Allah tidak membinasakan kaum Quraisy.

Perkaitan Surah Al-Mu'minun Dengan Surah Sebelum Dan Selepasnya

1. Di dalam Surah al-Hajj telah pun diberikan kebenaran berjihad kepada orang-orang yang dizalimi (Ayat: 39). Di dalam Surah al-Mu'minun ini dikatakan kepada orang-orang yang zalim bahawa mereka hanya akan selamat daripada azab Allah dengan beriman dan beramal shaleh.
2. Di dalam Surah al-Mu'minun orang-orang Islam dituntut supaya setelah beriman mereka hendaklah memperbaiki dan menjaga akhlak, ibadat, harta benda dan sekalian amal shaleh yang lain, semuanya mempunyai kepentingan tersendiri untuk kehidupan individu dan masyarakat muslim.
3. Di dalam Surah an-Nuur akan datang, terdapat tuntutan agar institusi-institusi negara Islam dalam pelbagai bidang seperti undang-undang sivil, kemasyarakatan dan juga undang-undang jenayah dilaksanakan dengan sebaik-baiknya.

Beberapa Kata Kunci Dan Tema Utama Surah

1. Di dalam Surah al-Mu'minun disebutkan dua syarat penting untuk orang-orang mu'min berjaya iaitu iman dan amal shaleh.

- (a) Orang-orang yang beriman kemudian berusaha membentuk peribadi mulia itulah orang-orang yang berjaya (Ayat: 1).

قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ ﴿١﴾

- (b) Orang-orang yang berdoa kepada الله مِنْ دُونِ الله disamping berdoa juga kepada Allah langsung tidak mempunyai dalil, mereka tidak akan berjaya (Ayat: 117).

وَمَنْ يَدْعُ مَعَ اللَّهِ إِلَهًا آخَرَ لَا بُرْهَانَ لَهُ بِهِ فَإِنَّمَا حِسَابُهُ عِنْدَ رَبِّهِ إِنَّهُ لَا يُفْلِحُ الْكَافِرُونَ ﴿١٧﴾

2. Di dalam Surah al-Mu'minun terdapat dalil-dalil untuk tauhid خالقية seperti dibawah ini:

- (a) Ketika mengemukakan dalil-dalil أنفسي untuk membuktikan keesaan Allah, Allah telah menyatakan

bahawa manusia itu dijadikan daripada tanah pada asalnya (Ayat: 12).

وَلَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ مِنْ سُلَالَةٍ مِّنْ طِينٍ ﴿١٢﴾

(b) Terdapat beberapa peringkat dalam proses kejadian manusia, mula-mula ia dalam bentuk nutfah kemudian dalam bentuk `alaqah (segumpal darah), kemudian dalam bentuk seketul daging, kemudian dalam bentuk tulang-tulang, setelah itu dipakaikan daging pada tulang-tulang itu dan akhirnya ia menjadi manusia yang sempurna. Dinyatakan bahawa Allah bukan sahaja pencipta malah sebaik-baik pencipta (Ayat: 14).

ثُمَّ خَلَقْنَا النُّطْفَةَ عَلَقَةً فَخَلَقْنَا الْعَلَقَةَ مُضْغَةً فَخَلَقْنَا الْمُضْغَةَ عِظًا فَكَسَوْنَا الْعِظَ لَحْمًا ثُمَّ أَنشَأْنَاهُ خَلْقًا آخَرَ فَتَبَارَكَ اللَّهُ أَحْسَنُ الْخَالِقِينَ ﴿١٤﴾

(c) Ketika mengemukakan dalil-dalil آفاقي untuk membenarkan tauhid خالقية Allah telah mengemukakan kejadian tujuh jalan di langit. Allah tidak pernah lalai daripada kejadian dan ciptaanNya (Ayat: 17).

وَلَقَدْ خَلَقْنَا فَوْقَكُمْ سَبْعَ طَرَائِقَ وَمَا كُنَّا عَنِ الْخَلْقِ غَفِيلِينَ ﴿١٧﴾

3. Di dalam Surah al-Mu'minun juga terdapat dalil-dalil نقلي dan dalil-dalil عقلي untuk membuktikan aqidah tauhid.

(a) Dalil نقلي yang dikemukakan ialah, daripada Nabi Nuh hingga kepada nabi-nabi yang lain selepas beliau, semua mereka menyeru supaya beribadat kepada Allah semata-mata. Mereka melarang daripada kesyirikan, kerana itu manusia hendaklah menjauhi kesyirikan (Ayat: 32).

فَأَرْسَلْنَا فِيهِمْ رَسُولًا مِنْهُمْ أَنِ اعْبُدُوا اللَّهَ مَا لَكُم مِّنْ إِلَهِ غَيْرُهُ أَفَلَا تَتَّقُونَ ﴿٣٢﴾

(b) Rasulullah s.a.w. juga dikatakan menyeru kepada tauhid yang merupakan jalan yang lurus (Ayat: 73).

وَإِنَّكَ لَتَدْعُوهُمْ إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ ﴿٧٣﴾

(c) Dalil-dalil عقلي untuk tauhid juga diberikan, Allah s.w.t. dikatakan tidak mengambil anak dan tidak juga mempunyai anak. Tiada siapa pun yang berkongsi denganNya dalam sifat ketuhanan dan sifat menciptaNya (sifat khaliqiyyahNya). Kalau tuhan pencipta ada ramai, maka masing-masing daripadanya akan membawa hasil kejadian dan penciptaannya secara berasingan dan masing-masing daripadanya berlumba-lumba untuk mengatasi yang lain, sedangkan Allah Maha suci daripada segala kekurangan dan ke'aiban (Ayat: 91).

مَا اتَّخَذَ اللَّهُ مِنْ وَلَدٍ وَمَا كَانَ مَعَهُ مِنْ إِلَهٍ إِذَا أَذَّاهُ لَذَهَبَ كُلُّ إِلَهٍ بِمَا خَلَقَ وَلَعَلَّ بَعْضُهُمْ عَلَى بَعْضٍ سُبْحَنَ اللَّهُ عَمَّا يُصِفُونَ ﴿١١٧﴾

(d) Akhir sekali dikatakan dengan jelas bahawa orang-orang yang mensyirikkan Allah dengan sesuatu yang lain langsung tidak mempunyai dalil dan bukti (Ayat: 117).

وَمَنْ يَدْعُ مَعَ اللَّهِ إِلَٰهًا آخَرَ لَا بُرْهَانَ لَهُ بِهِ فَإِنَّمَا حِسَابُهُ عِنْدَ رَبِّهِ إِنَّهُ لَا يُفْلِحُ الْكَافِرُونَ ﴿١١٨﴾

4. Di dalam Surah al-Mu'minun juga dinyatakan sikap orang-orang Quraisy yang tidak percaya kepada hari kemudian.

(a) Ada orang-orang musyrikin Mekah ketika menolak kepercayaan kepada hari kemudian dengan hairan berkata: "Adakah setelah kita menjadi tanah dan tulang belulang kita mereput, kita akan dihidupkan kembali?" (Ayat: 82).

قَالُوا أَوَإِذَا مِتْنَا وَكُنَّا تُرَابًا وَعِظْمًا أَوَإِنَّا لَمَبْعُوثُونَ ﴿٨٢﴾

(b) Ada juga orang-orang Mekah yang ateis dan materialis, kerana itu mereka menolak adanya hari kemudian. Mereka menganggap kehidupan hanya di dunia ini sahaja, di sinilah hidup mati mereka, mereka dengan yakin mengatakan manusia tidak akan dihidupkan kembali (Ayat: 37).

إِنْ هِيَ إِلَّا حَيَاتُنَا الدُّنْيَا نَمُوتُ وَنَحْيَا وَمَا نَحْنُ بِمَبْعُوثِينَ ﴿٣٧﴾

(c) Sikap orang-orang kafir yang tidak percaya kepada hari akhirat itu terhadap Rasulullah ialah mereka menganggap Rasulullah sebagai manusia biasa sahaja, Baginda bukan utusan Allah. Bagi mereka, bagaimana Rasulullah ini boleh menjadi utusan Allah sedangkan dia seperti orang-orang lain, makan dan minum. Sikap mereka yang seperti itu berpunca daripada kesombongan dan kesenangan hidup yang mereka ni'mati. Kesenangan hidup dalam keadaan sombong seperti itu diberi nama إتراف oleh al-Qur'an. Orang-orang kafir seperti ini bukan sahaja tidak percaya akan pertemuan dengan Allah di akhirat kelak, malah mereka juga tidak percaya kepada kerasulan Muhammad (Ayat: 33).

وَقَالَ الْمَلَأُ مِنْ قَوْمِهِ الَّذِينَ كَفَرُوا وَكَذَّبُوا بِإِلْقَاءِ الْآخِرَةِ وَأُتِرَفْتُهُمْ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا مَا هَذَا إِلَّا بَشَرٌ مِثْلُكُمْ يَأْكُلُ مِمَّا تَأْكُلُونَ مِنْهُ وَيَشْرَبُ

مِمَّا تَشْرَبُونَ ﴿٣٣﴾

(d) Allah s.w.t. menegaskan kepada orang-orang yang tidak percaya kepada hari akhirat bahawa mereka juga pasti akan dihidupkan pada hari kiamat nanti (Ayat: 16).

ثُمَّ إِنَّكُمْ يَوْمَ الْقِيَمَةِ تُبْعَثُونَ ﴿١٦﴾

(e) Allah s.w.t. juga menegaskan bahawa orang-orang yang tidak percaya kepada hari akhirat itu

sebenarnya telah terpesong daripada صراط مستقيم (jalan yang lurus) (Ayat: 74).

وَأَنَّ الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِالْآخِرَةِ عَنِ الصِّرَاطِ لَنُكَيِّبُونَ ﴿٧٤﴾

(f) Di dalam Surah al-Mu'minin juga diberi gambaran hari kiamat, di mana ramai manusia yang memohon supaya dikembalikan semula ke dunia untuk mereka beramal shaleh. Allah menyatakan bahawa orang-orang yang berkata begitu hanya mahu menyelamatkan diri semata-mata, kepada orang-orang yang tidak percaya kepada hari akhirat juga dikatakan bahawa mereka akan berada di alam Barzakh setelah mati mereka hingga ke hari kiamat sebelum mereka di hidupkan kembali (Ayat: 100).

لَعَلِّي أَعْمَلُ صَالِحًا فِيمَا تَرَكْتُ كَلَّا إِنَّهَا كَلِمَةٌ هُوَ قَائِلُهَا وَمِن وَرَائِهِم بَرْزَخٌ إِلَى يَوْمِ يُبْعَثُونَ ﴿١٠٠﴾

5. Surah al-Mu'minin juga mengemukakan beberapa sifat jelik pemimpin-pemimpin Quraisy yang musyrik.

Beberapa sifat seperti مُسْتَكْبِرٌ (sombong), عَالِي (membesarkan diri) dan مُتْرَفِينَ (orang-orang yang hidup penuh dengan kemewahan) dikaitkan dengan mereka.

(a) Fir'aun dan pemimpin-pemimpin tenteranya bersikap sombong dan mereka menganggap kedudukan mereka lebih tinggi daripada orang-orang lain (Ayat: 46).

إِلَىٰ فِرْعَوْنَ وَمَلَئِهِ فَاسْتَكْبَرُوا وَكَانُوا قَوْمًا عَالِينَ ﴿٤٦﴾

(b) Kesombongan orang-orang kafir Mekah membuatkan mereka tidak menghirau langsung kepada ayat-ayat Allah, sikap mereka terhadapnya tak ubah seperti orang-orang yang meninggalkan tukang cerita (Ayat: 66-67).

فَدَكَانَتْ ءَايَاتِي تُتْلَىٰ عَلَيْكُمْ فَكُنْتُمْ عَلَىٰ أَغْصَانٍ تَنكِصُونَ ﴿٦٦﴾ مُسْتَكْبِرِينَ بِهِ سَلِيمًا تَهْجُرُونَ ﴿٦٧﴾

(c) Ketua-ketua kaum yang kafir dan orang-orang yang tidak percaya kepada hari akhirat yang hidupnya senang-lenang (مُتْرَفِينَ) menolak rasul-rasul dengan alasan mereka juga seperti kita, manusia biasa, makan dan minum seperti kita, bagaimana mereka jadi rasul? (Ayat: 33).

وَقَالَ الْمَلَأُ مِن قَوْمِهِ الَّذِينَ كَفَرُوا وَكَذَّبُوا بِإِلْقَاءِ الْآخِرَةِ وَأُتِرْتُمْ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا مَا هَذَا إِلَّا بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ يَأْكُلُ مِمَّا تَأْكُلُونَ مِنْهُ وَيَشْرَبُ مِمَّا تَشْرَبُونَ ﴿٣٣﴾

(d) Akhirnya Allah mencengkam golongan مُتْرَفِينَ (golongan yang hidup mewah) dengan azabNya (Ayat: 64).

حَتَّىٰ إِذَا أَخَذْنَا مُتْرَفِيهِم بِالْعَذَابِ إِذَا هُمْ يَجْتَرُونَ ﴿٦٤﴾

6. Surah al-Mu'minun juga menyatakan sunnatullah dalam menggantikan sesuatu umat dengan umat yang lain.

Allah mempunyai dua sunnah: (1) Sunnah yang pertama ialah dia membinasakan orang-orang yang durjana dari semasa ke semasa (2) Setelah membinasakan suatu kaum yang derhaka, Allah menggantikannya dengan kaum yang lain. Inilah yang dikatakan sunnah Allah dalam استبدال .

(a) Setelah membinasakan kaum Nuh, Allah telah menggantikan mereka dengan kaum yang lain untuk diuji (Ayat: 31).

ثُمَّ أَنشَأْنَا مِنْ بَعْدِهِمْ قُرُونًا آخَرِينَ ﴿٣١﴾

(b) Demikian juga dengan bangsa-bangsa yang lain setelah mereka dibinasakan, dibawa bangsa-bangsa lain sebagai ganti mereka ke medan ujian (Ayat: 42).

ثُمَّ أَنشَأْنَا مِنْ بَعْدِهِمْ قُرُونًا آخَرِينَ ﴿٤٢﴾

7. Surah al-Mu'minun juga menyatakan sebab-sebab bagi bangsa-bangsa yang durjana dibinasakan.

Orang-orang musyrikin Mekah telah diancam dengan kebinasaan kerana mereka mendustakan seruan Rasulullah, mendustakan ajaran yang benar, sombong dan takbur dengan kehidupan mereka yang mewah, enggan tunduk di hadapan Allah dan mereka juga tidak memilih cara hidup yang merendah diri kepada Allah. Itulah antara punca dan sebab bagi kebinasaan mereka kemudiannya.

(a) Allah telah mengutuskan rasul demi rasul, mereka didustakan oleh umat masing-masing, akhirnya orang-orang yang tidak percaya kepada rasul-rasul yang diutuskan itu hanya menjadi cerita dalam sejarah sahaja (Ayat: 44).

ثُمَّ أَرْسَلْنَا رُسُلَنَا تَتْرًا كُلِّ مَا جَاءَ أُمَّةً رَسُولُهَا كَذَّبُوهُ فَاتَّبَعْنَا بَعْضُهُمْ بَعْضًا وَجَعَلْنَاهُمْ آحَادِيثَ فَبَعْدًا لِقَوْمٍ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿٤٤﴾

(b) Berdasarkan dalil-dalil تاريخي dinyatakan bahawa pada masa lalu terdapat ramai manusia yang dibinasakan kerana mereka mendustakan rasul-rasul (Ayat: 48).

فَكَذَّبُوهُمَا فَكَانُوا مِنَ الْمُهْلَكِينَ ﴿٤٨﴾

(c) Antara sunnatullah yang berlaku terhadap manusia ialah sebelum mereka dibinasakan, orang-orang yang mewah di kalangan mereka akan menjadi sombong dan menderhakai Allah dan akhirnya Allah membinasakan mereka (Ayat: 64).

حَتَّىٰ إِذَا أَخَذْنَا مُتْرَفِيهِم بِالْعَذَابِ إِذَا هُمْ يَجْتَرُونَ ﴿٦٤﴾

(d) Orang-orang yang Allah hukum dan menimpakan azab kepadanya sebenarnya adalah orang-orang

yang tidak tunduk dan merendah diri kepadaNya (Ayat: 76).

وَلَقَدْ أَخَذْنَاهُم بِالْعَذَابِ فَمَا اسْتَغَاثُوا لِرَبِّهِمْ وَمَا يَنْصُرُهُمْ ۝٧٦

8. Di dalam Surah al-Mu'minun terdapat beberapa doa untuk mendapat rahmat dan keampunan Allah.

(a) Hamba-hamba Allah yang shaleh, selain memohon keampunan kepada Allah mereka juga memohon rahmat dariNya (Ayat: 109).

إِنَّهُمْ كَانُوا فَرِيقًا مِّنْ عِبَادِي يَقُولُونَ رَبَّنَا ءَامِنَّا فَاعْفِرْ لَنَا وَارْحَمْنَا وَأَنْتَ خَيْرُ الرَّاحِمِينَ ۝١٠٩

(b) Di dalam ayat terakhir, Rasulullah s.a.w. dianjurkan supaya memohon keampunan dan rahmat Allah, jika tidak azab Allah boleh menimpa orang-orang kafir Quraisy (Ayat: 118).

وَقُلْ رَبِّ اغْفِرْ وَارْحَمْ وَأَنْتَ خَيْرُ الرَّاحِمِينَ ۝١١٨